

## **PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SECARA MAYA BANYAK KELEMAHAN**

Izzat Akram bin Ibrahim, 1171104,

Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

*Disiarkan pada 13 Ogos 2020*

Revolusi Perindustrian bermula 1784 sehingga kini membuktikan dunia semakin pesat dengan arus pembangunan kepesatan sains dan teknologi moden.

Pembelajaran maya merupakan salah satu bukti bahawa evolusi pendidikan berkembang semakin maju dan pantas ibarat cendawan tumbuh selepas hujan,

Lihat pendidikan di Jepun, istilah *Lesson Study* digunakan sejak 100 tahun lalu membuktikan pendidikan tidak akan ‘mati; malah melahirkan mahasiswa yang berkualiti tinggi sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG 4) yang bertujuan menjamin pendidikan menyeluruh dan memberi peluang pembelajaran sepanjang hayat kepada semua.

Namun, pengadaptasian pendidikan maya di negara ini ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah tidak begitu memuaskan.

Pada 20 Mac 2020, Kementerian Pengajian Tinggi menyarankan semua institusi pengajian tinggi (IPT) melaksanakan pembelajaran maya sehingga 31 Disember 2020.

Walau bagaimanapun, pelbagai masalah yang dihadapi oleh tenaga pengajar dan pelajar ketika mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran secara maya.

Pertama, faktor pembelajaran yang tidak kondusif. Memetik kata pendidik Barat, suasana fizikal bilik darjah merupakan ‘kawan’ atau ‘musuh’ dalam pengajaran.

Kali ini bertukar menjadi ‘musuh’ akibat gagal mencapai objektif iaitu memberi kefahaman yang baik kepada mahasiswa.

Strategi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 mengutamakan kualiti pengajaran dan pembelajaran serta persekitaran yang selesa.

Walaupun keadaan kini amat rumit, dari sudut positif, ia berperanan melahirkan pelajar yang berdikari dan aktif dengan segala perancangan awal.

Natijahnya, pembelajaran kondusif menentukan suasana pembelajaran yang proaktif dan menyeronokkan dengan pelbagai cara termasuk e-pembelajaran.

Masalah capaian internet juga mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran secara maya. Statistik yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan pada 2019 menunjukkan capaian internet tidak memuaskan di kawasan luar bandar dan pedalaman.

Pelajar-pelajar dari golongan kurang berkemampuan juga berdepan masalah untuk membeli peranti dan pakej data yang harganya masih mahal.

Salah satu cara yang boleh diketengahkan adalah pendekatan tidak segerak (*asynchronous*) yang tidak memerlukan pertemuan pensyarah dan mahasiswa dalam pada masa yang sama.

Pendekatan ini diamalkan di beberapa universiti seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Mahasiswa gemar dengan pembelajaran yang menggabungkan pendekatan pembelajaran secara maya dan konvensional.

Kajian Kesesuaian Kaedah Pembelajaran Teradun dari Sudut Pandangan Pelajar, menyarankan beberapa model seperti model putaran, model fleks, *self-blend model* dan *enriched- virtual*. Justifikasi pembelajaran ini dilakukan berdasarkan kesesuaian mahasiswa untuk belajar.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dalam lonjakan kesembilan menyasarkan pembelajaran teradun menjadi pendekatan wadah pedagogi atau pengajaran dalam pendidikan formal utama di IPT.

Sehubungan itu, kerajaan dan pentadbir universiti perlu memikirkan model yang paling berkesan bagi membolehkan pengajaran dan pembelajaran dilakukan secara maya sekiranya situasi PKP berulang.

